

PM ajak rakyat fokus jadikan Malaysia sebuah negara hebat

Anwar minta elak isu remeh, lihat kerangka besar usaha dilakukan kerajaan

Oleh Siti Aminah Mohd Yusof
bhnews@bh.com.my

Georgetown: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan rakyat supaya melihat kerangka besar dalam usaha menjadikan Malaysia negara hebat di rantau ini, sekali gus tidak mudah terjebak sentimen dan provokasi perkauman.

Perdana Menteri berkata, Malaysia sedang menjadi perhatian dunia dengan pemimpin dari Thailand, Singapura, Indonesia dan Jepun melawat negara dalam tempoh tiga minggu.

"Kita kini menjadi tarikan. Dalam masa tiga minggu sahaja, kita telah menerima kunjungan presiden dan perdana menteri dari empat negara. Terbaharu ialah Perdana Menteri Jepun,



Anwar merasmikan Majlis Pecah Tanah Projek LRT Laluan Mutiara Pulau Pinang yang disertai Kon Yeow (dari kiri) Loke dan Mohd Zarif di Georgetown, semalam.

(Foto Mikail ong/BH)

Shigeru Ishiba yang merupakan lawatan bersejarah.

"Kami mengadakan perbincangan substantif dan komprehensif mengenai pendidikan dan peralihan tenaga.

"Dengan (Perdana Menteri) Lawrence Wong dari Singapura,

kami berbincang tentang kerjasama untuk mewujudkan Zon Ekonomi Johor-Singapura.

"Ini akan memastikan pertumbuhan di Johor dan kawasan selatan Semenanjung.

"Apa yang saya maksudkan ialah kita perlu melihat kerang-

ka besar untuk mengekalkan asas kita sebagai negara hebat," katanya ketika berucap pada Majlis Pecah Tanah Projek LRT Laluan Mutiara Pulau Pinang di sini, semalam.

Perdana Menteri turut mengingatkan warga negara ini tidak terjebak kepercayaan sempit, isu perkauman selain mudah di-hanyutkan isu remeh temeh.

Beliau memberi contoh isu ketiadaan visual masjid dalam video promosi pelancongan Malaysia yang dikhuatiri menjejaskan kemakmuran negara.

"Dengan terjebak dalam kepercayaan sempit, isu perkauman dan mempertahankan perkara yang salah. Semua ini tidak akan membantu negara kita.

"Jangan alihkan pandangan kepada isu remeh yang tidak membantu. Negara kita mengikut hukum dalam menjaga kepentingan negara," katanya.

Jalin hubungan baik

Mengulas lanjut Anwar berkata, penting untuk Malaysia mengekalkan asas sebagai sebuah negara hebat dengan menjalin hubungan baik bersama negara luar seperti China, Amerika Syarikat (AS), Eropah dan Asia

seluruhnya.

"Jika kita mampu melakukan ini, saya percaya Malaysia akan mencipta sejarah dan terus meningkatkan kedudukannya sebagai negara hebat.

"Oleh itu, kita mahu rakyat kita menghadapi isu besar ini dan tidak terpengaruh dengan sentimen perkauman yang boleh menyebabkan perpecahan.

"Inilah sebabnya kita boleh menumpukan kepada pembangunan di Pulau Pinang dan kawasan lain, Kedah, Kelantan, Sarawak, Johor, Pahang dan lain-lain yang mempunyai perancangan projek masing-masing," katanya.

Sehubungan itu, Anwar menggesa penjawat awam dan ketua jabatan, termasuk pada peringkat negeri supaya bersama-sama menjadi pemikir dalam melaksanakan perubahan positif dan mencabar demi memajukan negara.

"Maksudnya, bincang bersama fikir bagaimana kita boleh melaksanakan pembaharuan dan perubahan hal baharu yang mencabar. Siapa sangka mengenai peralihan tenaga, transformasi digital dan kecerdasan buatan (AI) 20 tahun lalu?," katanya